

Penyelesaian permasalahan belia dari perspektif agama.

ABSTRACT

Makalah ini bertujuan melihat fenomena permasalahan belia dan sebab berlakunya salahlaku belia seterusnya menyediakan satu cadangan alternatif, iaitu dari sudut agama untuk mengurangkan permasalahan mereka. Kajian berdasarkan obsevasi dan penelitian ini meninjau penghayatan terhadap ajaran agama adalah sebagai satu jalan alternatif dalam menangani permasalahan belia dengan mengembalikan mereka kepada norma-norma baik dan terpuji. Perbincangan turut mengemukakan beberapa pendekatan bagi menangani permasalahan belia dari perspektif agama.

Keyword: Youth; Religion; Education; Social issues.